

17 NOV 1999

Shahidan (Fokus Berita)

BENARKAH SHAHIDAN AKAN TINGGALKAN KERUSI MENTERI BESAR?

KANGAR, 17 Nov (Bernama) -- Ada tiga perkara yang bakal berlaku kepada Datuk Seri Shahidan Kassim menjelang pilihan raya umum ini tetapi hingga saat ini ia masih menjadi teka-teki.

Perkara itu ialah sama ada beliau dikekalkan sebagai calon bagi kawasan dewan undangan negeri, bertukar ke kerusi parlimen atau digugurkan.

Tiga perkara itu adalah jawapan Shahidan apabila ditanya mengenai kedudukan politik terkininya yang masih menjadi teka-teki yang hanya akan terjawab pada hari pengumuman nama calon-calon parti sehari dua lagi.

"Saya mungkin jadi calon dewan negeri...mungkin juga parlimen atau digugurkan," kata Menteri Besar berusia 49 tahun itu.

Para pemerhati politik tempatan berpendapat, Shahidan masih berpotensi dicalonkan sebagai anggota dewan undangan negeri dan kekal sebagai Menteri Besar.

Bagaimanapun ada pihak yang menyebut Menteri Besar bersuara lantang itu akan dibersarakan daripada jawatannya dengan alasan ada muka baru yang boleh menggantikannya.

Terdapat juga andaian bahawa kerusi Menteri Besar yang disandangnya kini bakal menjadi milik Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Azmi Khalid yang juga Timbalan Ketua Badan Perhubungan UMNO Perlis.

Jika andaian itu benar, sudah pasti Shahidan tidak akan mempertahankan kerusi dewan undangan negeri Tambun Tulang yang disandangnya sejak 1995.

Lanjutan itu, beliau mungkin berpindah ke kerusi parlimen atau digugurkan terus.

"Saya tidak pernah memikirkan sama ada saya dicalonkan semula atau tidak ... apa yang penting BN perlu memenangi pilihan raya umum terakhir di abad ini," katanya ketika ditemui di pejabatnya hari ini.

Shahidan yang juga Pengerusi BN negeri berkata beliau menyerahkan kedudukannya untuk ditentukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dr Mahathir adalah "bapa" yang nasihat dan keputusannya perlu dipatuhi," katanya berulang kali.

Sebelum ini, desas-desus mengatakan Shahidan sudah tidak sesuai lagi menjadi Menteri Besar dengan alasan beberapa tindakannya sebelum ini tidak disenangi rakyat.

Antara tindakan itu ialah penguatkuasaan peraturan terhadap pendusun yang memasuki kawasan hutan simpan dan pengambilan tanah untuk projek pembangunan.

Pembangkang berjaya mempengaruhi rakyat dengan menjadikan beberapa tindakan Shahidan sebagai isu besar sehingga mengakibatkan BN gagal mempertahankan kerusi parlimen Arau pada pilihan raya kecil Julai tahun lalu.

Kerusi parlimen itu kini menjadi milik PAS apabila pesuruhjaya PAS Perlis, Hashim Jasin menumpaskan calon BN, Ismail Kassim pada pilihan raya kecil itu.

Sementara itu, Azmi yang bakal menyambut ulangtahun kelahirannya yang ke-59 pada 13 Dis ini, membisu apabila namanya dikaitkan sebagai pengganti Shahidan selepas pilihan raya umum ini.

Para pemerhati politik berpendapat Azmi yang juga Ketua UMNO bahagian Padang Besar adalah calon yang layak menggantikan Shahidan jika dicalonkan bertanding kerusi dewan undangan negeri.

Jika perkara itu menjadi kenyataan, Azmi yang berkelulusan sarjana muda

ekonomi daripada Universiti Malaya akan mencapai cita-citanya yang patah pada 1982.

Azmi pernah disebut-sebut sebagai bakal Menteri Besar Perlis bagi menggantikan almarhum Datuk Ali Ahmad selepas pilihan raya umum 1982 tetapi bernasib malang apabila kertas pencalonannya bagi kawasan dewan undangan negeri Bintong ditolak atas sebab-sebab teknikal.

Kesilapan teknikal itu telah menghadiahkan kemenangan percuma kepada calon PAS ketika itu, Shuaib Mohamad.

-- BERNAMA

AD LAT